

Qissah Qur'aniyyah Dalam Surah Al-Kahf Menyerlahkan Pengajaran ('Ibrah) dan Fadilat Surah

The Revelation of Lessons ('Ibrah) and Wisdom (Fadilat) of Surah al-Kahf Through Qissah Qur'aniyyah

Mohd Shahrizal Nasir¹ & Nurazan Mohmad Rouyan
Universiti Sultan Zainal Abidin

Abstrak

Qissah qur'aniyyah merupakan salah satu bentuk penyampaian yang terdapat dalam al-Quran bagi menjelaskan isi kandungannya. Bentuk ini mempunyai ciri-ciri yang amat istimewa dan ia tidak boleh disamakan dengan seni "cerita" dalam bidang kesusasteraan. Ia membawa makna yang sarat dengan pengajaran bagi manfaat umat manusia jika mereka berfikir mengenai kewujudannya. Oleh itu, pengajaran yang terdapat dalam qissah qur'aniyyah menjadi tujuan utama ia dimanfaatkan dalam al-Quran. Qissah qur'aniyyah ini dilihat tidak bersifat rinci, tetapi kekal membawa pengajaran yang jelas bagi ayat al-Quran. Surah al-Kahf merupakan surah al-Quran yang mengandungi empat qissah qur'aniyyah utama iaitu qissah pemuda Ashab al-Kahf, pemilik dua buah kebun, nabi Musa dan Khidir dan Dhu al-Qarnayn. Di samping itu, banyak hadis yang menganjurkan bacaan surah al-Kahf pada setiap hari Jumaat, seterusnya menjadi petunjuk bahawa isi kandungannya membawa banyak pengajaran yang amat baik. Makalah ini berusaha menganalisis qissah qur'aniyyah yang terdapat dalam surah al-Kahf serta mengenal pasti fungsinya dalam membawa pengajaran kepada pembaca al-Quran. Untuk itu, kaedah analisis teks akan digunakan dengan panduan beberapa buah kitab tafsir dan hadis berautoriti. Makalah mendapati bahawa pengajaran daripada qissah qur'aniyyah yang terkandung dalam surah al-Kahf merupakan antara sebab ia menjadi surah yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW untuk dibaca pada setiap hari Jumaat.

Kata kunci: qissah qur'aniyyah, surah al-Kahf, cerita, pengajaran, sunnah Rasulullah

¹ Corresponding author : Mohd Shahrizal Nasir, Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, e-mail: mohdshahrizal@unisza.edu.my

Abstract

Qissah qur'aniyyah is one of the delivery form used to explain the contents of the Quran. This form has several features which are very special and it should not be confused with the term "story", a genre known in the field of literature. It carries a lot of meanings for the benefit of mankind, given that men are willing to analyze its existence. Hence, highlighting the lessons found in the qissah qur'aniyyah are among the main reasons for its use in the Quran. One of the features of the qissah qur'aniyyah is that it is not detailed, and yet, it brings a clear message of the Quranic verses. Surah al-Kahf is a chapter in the Quran which contains four main qissah qur'aniyyah which are the story of people of the cave, owner of two gardens, prophet Moses and Khidir and Dhu al-Qarnayn. Besides, a number of prophetic traditions have recognized the recitation of surah al-Kahf on every Friday, thus this is a clear proof that the contents of surah al-Kahf bring wonderful lessons. This paper attempts to analyze Qissah qur'aniyyah in surah al-Kahf and identify its function in conveying the lessons to the Quran's reciters. For that, text analysis methodology will be used with several authoritative books of Qur'anic exegesis and hadith. This paper finds that the lessons behind Qissah qur'aniyyah contained in the surah al-Kahf is one of the reasons why it became a chapter recognized by the Prophet Muhammad p.b.u.h. to be recited every Friday.

Keywords: qissah qur'aniyyah, surah al-Kahf, story, lesson, Prophet's sunnah

PENDAHULUAN

Al-Quran diturunkan kepada Rasulullah SAW sebagai salah satu mukjizat Rabbani bagi membuktikan kebenaran ajaran yang dibawa olehnya. Al-Quran diturunkan pada zaman kesusasteraan Arab khususnya puisi mendapat tempat yang amat istimewa dalam kalangan masyarakat Arab. Segala maklumat berkaitan peristiwa dan nasab keturunan Arab dirakamkan dalam bentuk puisi yang sangat indah (Al-'Askari, 1320H: 104). Dalam keadaan masyarakat Arab yang sangat handal mengungkap bait-bait puisi yang indah, al-Quran datang dengan membawa cabaran bagi menundukkan kehebatan masyarakat Arab dalam seni puisi (Al-Amin, 1970: 312). Hal inilah yang difahami sebagai *i'jaz al-Quran* (Al-Amin, 1970: 312). Hakikatnya, kehadiran al-Quran membawa satu fenomena baru dalam kehidupan masyarakat Arab yang rata-rata daripada mereka kagum dengan keindahan al-Quran dari segi lafaz dan maknanya. Allah SWT menjelaskan bahawa al-Quran bukan seperti mana bait-bait yang diungkapkan oleh penyair, sebaliknya ia merupakan *kalamullah* (firman Allah SWT) yang diturunkan khusus buat sekalian manusia. Firman Allah SWT dalam al-Quran:

ثُمَّ فِي سِلْسِلَةٍ ذَرْعُهَا سَبْعُونَ ذِرَاعًا فَاسْلُكُوهُ إِنَّهُ كَانَ لَا
يُؤْمِنُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ وَلَا يَحِضُّ عَلَىٰ طَعَامِ الْمَسْكِينِ

Terjemahan: Dan bukanlah al-Quran itu perkataan seorang penyair (sebagaimana yang kamu dakwakan). Tetapi sayang, amatlah sedikit kamu beriman. Dan juga bukanlah al-Quran perkataan seorang dukun (sebagaimana yang kamu katakan. Tetapi sayang) amatlah sedikit kamu mengambil peringatan. (Al-Quran itu) diturunkan daripada Allah Tuhan sekalian alam. (Surah al-Haqqah, 69: 41-43)

Dalam memahami isi kandungan al-Quran, dapat diperhatikan bahawa Allah SWT menggunakan gaya penyampaian yang berbeza. Hal ini secara jelas membuktikan bahawa al-Quran bukan berbentuk stereotaip atau mendatar, sebaliknya ia dipenuhi dengan gaya bahasa dan penyampaian berbeza-beza yang bersesuaian dengan kandungan atau mesej yang dibawa oleh sesuatu ayat. *Qissah Qur'aniyyah* merupakan satu bentuk gaya penyampaian sesuatu pengajaran yang dibawa oleh sesuatu ayat al-Quran (Zulkarnain, 2002: 35). Gaya penyampaian atau uslub ini sebenarnya lebih hampir dengan tabiat manusia yang minat terhadap *qissah* atau cerita. Perkataan *qissah* akan digunakan dalam makalah ini. Penggunaan istilah ini dikekalkan dalam tulisan yang mengekalkan sebutannya dalam bahasa Arab. Hal ini bagi membezakan *qissah* dalam al-Quran dengan perkataan “kisah” atau “cerita” yang difahami sebagai salah satu genre dalam kesusasteraan Melayu. Banyak perbezaan antara *qissah* al-Quran dengan “kisah” atau “cerita” dalam pemahaman masyarakat Melayu. Oleh itu, penggunaan istilah *qissah* dalam makalah ini dilihat amat bersesuaian bagi tujuan membezakannya dengan pengertian “kisah” atau “cerita”.

Hakikatnya, *qissah* yang terkandung dalam al-Quran mengandungi hikmah dan pengajaran yang besar buat umat manusia yang memahaminya. *Qissah* dalam al-Quran tidak disampaikan tanpa sebarang tujuan, sebaliknya ia mengandungi pengajaran besar yang perlu dimanfaatkan dalam kehidupan manusia. Firman Allah SWT dalam al-Quran:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولِي الْأَلْبَابِ مَا كَانَ حَدِيثًا
يُفْتَرَىٰ وَلَكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ
وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

Terjemahan: *Demi sesungguhnya, qissah para nabi itu mengandung pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi golongan yang mempunyai akal fikiran. (Qissah yang terkandung dalam al-Quran) bukanlah satu cerita yang diadakan-adakan, tetapi ia mengisahkan apa yang tersebut dalam kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman. (Surah Yusuf, 12: 111)*

Daripada ayat al-Quran ini, jelas menunjukkan bahawa *qissah* al-Quran mempunyai peranan yang besar dalam menjelaskan makna atau pengajaran yang dikehendaki oleh Allah SWT. Pengajaran yang dibawa oleh *qissah* al-Quran hanya akan dapat digarap dan difahami oleh manusia sekiranya mereka mahu berfikir dan mengamati *qissah* al-Quran tersebut. Allah SWT merakamkan sejumlah *qissah* tersebut untuk menjadi panduan dan pengajaran buat umat manusia. Sekiranya sesuatu *qissah* memaparkan keadaan baik yang dinikmati oleh sesuatu kaum, maka ia menjadi panduan bagi manusia agar mencontohi kebaikan yang dijelaskan dalam *qissah* tersebut. Sebaliknya jika sesuatu *qissah* memaparkan keadaan buruk yang menimpa sesuatu kaum akibat perbuatan mereka melanggar peraturan Allah SWT, maka ia menjadi pengajaran agar manusia dapat menghindarkan diri daripada perkara yang dilarang oleh Allah SWT.

Bagi menjelaskan keindahan *qissah qur'aniyyah* dalam menyerlahkan pengajaran bagi ayat-ayat al-Quran, makalah ini akan menjelaskan ciri-ciri *qissah* al-Quran yang amat istimewa ini. Makalah akan memfokus kepada *surah al-Kahf* iaitu merupakan antara surah al-Quran yang mengandungi *qissah* al-Quran. Galakan membaca *surah al-Kahf* pada hari Jumaat oleh Rasulullah SAW. menjadi petunjuk jelas bahawa surah ini mengandungi fadilat yang besar. Secara langsung, dapat difahami bahawa isi kandungan *surah al-Kahf* yang terdiri daripada empat buah *qissah* utama turut memberi signifikan tertentu dalam menjelaskan pengajaran yang terdapat dalam surah ini serta fadilat yang besar sepertimana yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW.

QISSAH QUR'ANIYYAH DALAM AL-QURAN

Dalam kamus bahasa Arab seperti *Mukhtar al-Sihah* dan *al-Mu'jam al-Wasit*, perkataan *al-qissah* atau kata terbitannya *al-qasas* membawa maksud menjejaki sesuatu kesan. Perkataan *al-qasas* berserta maksud yang dijelaskan ini digunakan oleh Allah SWT dalam *surah al-Kahf* bagi menggambarkan situasi nabi Musa AS yang menjejaki kesan tapak kakinya tatkala menyedari bahawa ikan yang merupakan bekalannya telah hilang dan hal ini menjadi

petanda bagi menunjukkan tempat pertemuannya dengan seorang hamba Allah SWT yang salih bernama Khidir (Ibn Kathir, 2004: 3/1732-1733). Lantas nabi Musa AS menjejaki kesan tapak kaki di kawasan yang telah dilaluinya. Firman Allah SWT dalam al-Quran:

قَالَ ذَلِكَ مَا كُنَّا نَبِغُ فَارْتَدَّا عَلَى آثَارِهِمَا قَصَصًا

Terjemahan: *Nabi Musa berkata: "Itulah yang kita kehendaki", mereka pun balik semula ke situ, dengan menurut jejak mereka.* (Surah al-Kahf, 18: 64)

Dalam ayat tersebut, Allah SWT menggunakan perkataan *qasasa* yang membawa maksud nabi Musa AS menjejaki kembali kesan tapak kaki perjalanannya. Dari sini dapat difahami bahawa perkataan *al-qissah* (bentuk *mufrad*) dan *al-qasas* (bentuk *jam'*) turut membawa makna yang sama iaitu merujuk kepada berita yang dijejaki kesan dan pengajarannya atau disebut dalam bahasa Arab sebagai *al-akhbar al-mutatabba'ah* (Al-Qattan, 1998: 279). Para *mufassir* menjelaskan terdapat tiga bentuk *qissah* dalam al-Quran, iaitu (Al-Qattan, 1998: 280):

- i. *Qissah* para rasul. *Qissah* ini berkaitan dakwah para rasul kepada umat masing-masing, mukjizat yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada mereka, tentangan umat mereka yang ingkar terhadap seruan dakwah, peringkat dakwah mereka dan sebagainya. Antara *qissah* para rasul yang terdapat dalam al-Quran ialah *qissah* nabi Nuh AS, nabi Ibrahim AS, nabi Musa AS, nabi Muhammad SAW dan beberapa lagi.
- ii. *Qissah* manusia terdahulu yang terlibat dengan peristiwa-peristiwa tertentu pada zaman mereka. Sebenarnya, *qissah* seperti ini dan *qissah* lain dalam al-Quran tidak diperincikan jalan penceritaannya, namun pengajaran yang dibawa cukup jelas dan amat berguna bagi kehidupan setiap manusia. Terdapat *qissah* dalam bentuk ini yang memberi panduan agar ia dicontohi seperti *qissah Ashab al-Kahf* (kumpulan pemuda yang ditidurkan oleh Allah SWT dalam gua) dan *qissah Dhu al-Qarnayn*. Namun, terdapat juga *qissah* yang menggesa manusia agar mengambil iktibar daripadanya seperti *qissah Qarun* dan *qissah Ashab al-Fil* (kumpulan tentera bergajah).
- iii. *Qissah* yang khusus melibatkan peristiwa yang dialami oleh Rasulullah SAW. *Qissah* bentuk ini bukan sahaja tertumpu kepada peristiwa peperangan yang disertai oleh Rasulullah SAW seperti

peperangan Badr, peperangan Uhud, peperangan al-Ahzab, malah *qissah Isra' Mi'raj* serta *qissah* hijrah Rasulullah SAW turut dirakamkan dalam al-Quran.

Perlu dijelaskan bahawa *qissah* al-Quran tidak sama dengan “kisah” atau “cerita” seperti yang difahami oleh masyarakat Melayu. Istilah “kisah” yang difahami dalam dunia kesusasteraan Melayu sebagai salah satu genre sastera adalah berbeza dengan maksud dan ciri-ciri *qissah* yang dirakamkan dalam al-Quran. Beberapa ciri-ciri *qissah* al-Quran secara jelas menunjukkan bahawa ia berbeza dengan pemahaman dalam kesusasteraan Melayu tentang “kisah”. Dalam Kamus Dewan Edisi Ke-4, perkataan “kisah” merujuk kepada cerita atau hal mengenai sesuatu riwayat atau kejadian. Secara jelas, tiada sebarang ciri-ciri khusus yang menjelaskan makna perkataan “kisah” dalam bahasa Melayu terutama melibatkan elemen “benar”. Malah, jika ditelusuri kesusasteraan Melayu klasik, cerita atau kisah yang termasuk dalam kategori sastera rakyat meliputi kisah binatang, penglipur lara, asal-usul, mitos, legenda dan jenaka sahaja (Ismail, 2008: 15-45). Sebaliknya, jika difahami dengan cermat dan jelas, *qissah* al-Quran bersifat benar. Kesemua *qissah* al-Quran adalah *qissah* yang benar-benar berlaku. Ia bukan sebuah kisah khayalan, mitos atau ciptaan. Inilah yang perlu difahami dengan cermat agar tiada pihak yang mendakwa bahawa al-Quran mengandungi atau sarat dengan “cerita” seperti yang mereka fahami dalam bidang kesusasteraan. Allah SWT menjelaskan perkara ini menerusi firmanNya dalam al-Quran:

إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْقَصَصُ الْحَقُّ وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلَّا اللَّهُ وَإِنَّ اللَّهَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Terjemahan: *Sesungguhnya ini ialah qissah yang benar, dan tiadalah Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah dan (ingatlah), sesungguhnya Allah, Dialah jua yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.* (Surah Ali ‘Imran, 3: 62)

Selain itu, hal ini bertepatan dengan kedudukan al-Quran serta seluruh kandungannya yang bersifat benar. Tiada sebarang keraguan dan kepalsuan dalam al-Quran sejak ia diturunkan kepada Rasulullah SAW sehingga hari kiamat. Perkara ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran menerusi beberapa ayat sepertimana berikut:

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

Terjemahan: Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya daripada Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi golongan yang (hendak) bertakwa. (Surah al-Baqarah, 2: 2)

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مَبَّارَكٌ مُّصَدِّقٌ لِّلَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَلِتُنذِرَ أُمَّ
الْقُرَىٰ وَمَنْ حَوْلَهَا وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ يُؤْمِنُونَ بِهِ وَهُمْ
عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ

Terjemahan: Dan ini ialah Kitab (al-Quran) yang Kami turunkan, yang mengandungi berkat (banyak faedah dan manfaatnya), lagi mengesahkan kebenaran (kitab-kitab suci) yang diturunkan sebelumnya, dan supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk Umm al-Qura (Makkah) serta golongan yang tinggal di sekelilingnya; dan golongan yang beriman kepada hari Akhirat, mereka beriman kepada al-Quran, dan mereka tetap mengerjakan dan memelihara sembahyangnya. (Surah al-An'am, 6: 92)

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Terjemahan: Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya. (Surah al-Hijr, 15: 9)

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran tersebut, dapat difahami dengan jelas bahawa perkataan “cerita” atau “kisah” tidak wajar disamatarafkan dengan maksud perkataan *al-qissah* yang merujuk kepada *qissah* al-Quran. Selain itu, jika dikaji ciri-ciri *qissah* al-Quran dengan mendalam, maka didapati bahawa *qissah* al-Quran tidak bersifat rinci. Malah, terdapat sesebuah *qissah* al-Quran itu terletak dalam beberapa surah al-Quran yang berlainan. Terdapat juga beberapa ayat al-Quran yang berkaitan dengan sesebuah *qissah* diulang beberapa kali dalam beberapa surah al-Quran yang berbeza.

Secara pasti dapat difahami bahawa *qissah* al-Quran itu tidak diwahyukan untuk tujuan keseronokan atau sia-sia. *qissah Qur'aniyyah* dirakamkan dalam al-Quran dengan tujuan yang jelas iaitu agar manusia mengambil pengajaran yang berguna daripadanya untuk dijadikan panduan dalam kehidupan.

Dalam bahasa Arab, pengajaran disebut sebagai *'ibrah*. Pengajaran inilah yang menjadi tujuan utama perakaman *qissah* dalam al-Quran. Oleh sebab itu, perjalanan atau plot *qissah* al-Quran tidak dinyatakan secara rinci. Dari sini jelas menunjukkan bahawa aspek yang dijadikan keutamaan oleh Allah SWT adalah pengajaran (*'ibrah*) daripada *qissah* tersebut.

Berdasarkan perbincangan mengenai *qissah qur'aniyyah* yang terdapat dalam al-Quran, dapat disenaraikan beberapa ciri-ciri khusus bagi *qissah qur'aniyyah* atau *qissah* al-Quran, antaranya:

- i. Mengandungi *'ibrah* atau pengajaran yang bermanfaat.
- ii. Merupakan *qissah* yang benar berlaku dan bukan cerita yang diada-adakan.
- iii. Mempunyai tujuan tertentu apabila sesuatu *qissah* itu dirakamkan dalam al-Quran dan ia tidak dirakamkan secara sia-sia.
- iv. Menjadi petunjuk dan rahmat bagi hamba Allah SWT yang beriman.
- v. Berlaku pengulangan (*tikrar*) bagi beberapa buah *qissah* dalam surah yang berlainan.
- vi. *Qissah* al-Quran tidak bersifat rinci sebagaimana “kisah” atau “cerita” dalam dunia kesusasteraan yang mesti mempunyai watak yang mencukupi, plot cerita, latar tempat dan masa yang jelas dan sebagainya.

Inilah di antara ciri-ciri *qissah* al-Quran yang membezakannya dengan “kisah” biasa. Atas dasar ini, pengertian *qissah* yang merujuk kepada *qissah qur'aniyyah* tidak boleh disamatarafkan dengan “kisah” atau “cerita” sebagaimana yang difahami sebagai satu genre dalam bidang kesusasteraan. Perlu ditegaskan sekali lagi bahawa yang menjadi keutamaan bagi *qissah* al-Quran ialah pengajaran (*'ibrah*) di sebalik *qissah* tersebut dan ia dapat memberi faedah berguna dalam kehidupan manusia.

Perkara ini seterusnya menempelak perbuatan sesetengah karyawan yang memanipulasi *qissah* al-Quran sepertimana yang berlaku kepada *qissah Isra' Mi'raj* yang dimanipusi oleh beberapa karyawan Arab dan Barat. Hal ini telah dibincangkan secara terperinci oleh Rahmah Ahmad dan Mohd Shahrizal (2011) yang mendedahkan pemanipulasian *qissah Isra' Mi'raj* dalam beberapa karya Arab dan Barat seperti *al-Maqamah al-Iblisiyyah* oleh Badi' al-Zaman al-Hamazani (M 398H), *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* oleh Ibn Shuhayd (382H-426H), *Risalat al-Ghufran* oleh Abu al-'Ala' al-Ma'arri (363H-449H) dan *The Divine Comedy* oleh Dante Alighieri (1265-1321).

SURAH AL-KAHF DAN FADILATNYA

Surah al-Kahf merupakan salah satu daripada surah *Makkiyyah* (Ibn Kathir, 2004: 3/1703). Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama tentang

definisi dan pembahagian antara *Makkiyah* dan *Madaniyah* (Al-Suyuti, 2008: 32-33). Namun, majoriti ulama telah menggariskan beberapa ciri-ciri umum bagi pengkelasan ayat dan surah sama ada termasuk dalam kategori *Makkiyah* atau *Madaniyah*. Antara ciri-ciri sesuatu ayat atau surah yang termasuk dalam kategori *Makkiyah* ialah apabila intipati ayat melibatkan ketuhanan iaitu mentauhidkan Allah SWT, kebenaran risalah tauhid yang dibawa oleh para nabi dan rasul serta perkhabaran mengenai perkara-perkara ghaib (*al-ghaybiyyat*) seperti hari Kiamat, nikmat syurga dan azab neraka (Al-Qattan, 1998: 57).

Selain itu, ayat al-Quran atau surah yang merakamkan *qissah* para nabi dan rasul serta umat terdahulu dengan peristiwa-peristiwa tertentu termasuk dalam ciri-ciri surah *Makkiyah* pada kebanyakan tempat dalam al-Quran. Justeru, dapat difahami bahawa pengkelasan *surah al-Kahf* yang mengandungi empat buah *qissah* berkenaan umat terdahulu sebagai *surah Makkiyah* bertepatan dengan ciri-ciri bagi *surah Makkiyah* sepertimana yang dijelaskan oleh para ulama.

Surah al-Kahf juga merupakan salah satu daripada lima buah surah al-Quran yang ayat pertamanya dimulakan dengan *al-tahmid* atau *hamdalah* (*al-hamd lillah*) iaitu pujian dan sanjungan kepada Allah SWT (Al-Suyuti, 2008: 779). Empat buah surah lain dalam al-Quran yang dimulakan dengan *hamdalah* ialah *surah al-Fatihah*, *surah al-An'am*, *surah Saba'* dan *surah Fatir*. *Surah al-Kahf* mengandungi 110 ayat. Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini, *surah al-Kahf* mengandungi empat buah *qissah* utama iaitu; *qissah* pemuda yang ditidurkan oleh Allah SWT di dalam sebuah gua (pemuda *Ashab al-Kahf*), *qissah* pemilik dua bidang tanah atau kebun, *qissah* nabi Musa AS dengan seorang hamba Allah SWT yang salih bernama Khidir, serta *qissah* seorang pemerintah yang adil bernama Dhu al-Qarnayn. Namun begitu, menurut al-Sabuni hanya terdapat tiga buah *qissah* utama sahaja dalam *surah al-Kahf* iaitu tanpa menyenaraikan *qissah* pemilik dua buah kebun sebagai salah satu daripada *qissah* al-Quran utama dalam *surah al-Kahf* (Al-Sabuni, T.th.: 174).

Dalam membicarakan hal berkenaan al-Quran dan kandungannya, satu perkara yang perlu diberi perhatian serius adalah berkenaan amalan membaca al-Quran yang merupakan satu tuntutan dalam Islam. Al-Quran mengandungi segala suruhan dan larangan Allah SWT untuk setiap umat manusia. Al-Quran bukan sahaja perlu dibaca, malah lebih daripada itu ialah kandungannya perlu difahami dan dipraktikkan dalam kehidupan. Perintah Allah SWT agar umat manusia membaca al-Quran dan menjadikannya sebagai salah satu ibadah bagi mendekatkan diri kepadaNya telah dijelaskan dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الْمَزْمَلُ ﴿١﴾ قُمْ اللَّيْلَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢﴾ نَضَفَهُ أَوْ انْقَضَ
 مِنْهُ قَلِيلًا ﴿٣﴾ أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا ﴿٤﴾ إِنَّا سَنُلْقِي
 عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا ﴿٥﴾

Terjemahan: *Wahai orang yang berselimut. Bangunlah solat pada waktu malam, selain daripada sedikit masa (yang tidak dapat tidak untuk berehat). Iaitu separuh daripada waktu malam, atau kurangkan sedikit daripada separuh itu. Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya dan bacalah al-Quran dengan "Tartil". (Sayugialah engkau dan pengikut-pengikutmu membiasakan diri masing-masing dengan ibadat yang berat kepada hawa nafsu, kerana) sesungguhnya Kami akan menurunkan kepadamu wahyu (al-Quran yang mengandungi perintah-perintah) yang berat (kepada golongan yang tidak bersedia menyempurnakannya). (Surah al-Muzammil, 73: 1-5)*

Secara khusus, Rasulullah SAW menggalakkan umatnya agar membaca *surah al-Kahf* terutama pada hari Jumaat. Galakan seperti ini pastinya membawa seribu satu kebaikan dan fadilat bagi mereka yang dapat menunaikannya. Dalam banyak hadis, Rasulullah SAW menyatakan bahawa amalan membaca *surah al-Kahf* dapat menyelamatkan diri daripada fitnah Dajjal ('Abd al-Rahim, 2010: 174-178). Hadis-hadis tersebut akan dinyatakan pada ruangan selanjutnya dalam makalah ini. Selain itu, kelebihan *surah al-Kahf* ini turut dinyatakan oleh Ibn Kathir pada bahagian pendahuluan tafsir *surah al-Kahf* yang menyatakan bahawa sepuluh ayat pertama dan terakhir daripada surah ini merupakan perisai diri daripada fitnah Dajjal (Ibn Kathir, 2004: 3/1703-1704). Istilah "fitnah" di sini bukan bermakna berita palsu bertujuan membuka keaiban seseorang, tetapi ia membawa maksud cabaran dan keadaan huru hara yang dicituskan oleh Dajjal menjelang hari Kiamat (Ghanim, 2008: 94-95). Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW menjelaskan bahawa tiada fitnah yang lebih besar di atas muka bumi selain daripada fitnah Dajjal. Sabda Rasulullah SAW dalam hadisnya:

(مَا بَيْنَ خَلْقِ آدَمَ إِلَى قِيَامِ السَّاعَةِ خَلْقٌ أَكْبَرُ مِنَ الدَّجَالِ)

Terjemahan: *Tiada di antara penciptaan Adam sehinggalah hari Kiamat perkara yang lebih besar daripada Dajjal. (Hadis riwayat Muslim dalam Sahih Muslim, Kitab al-Fitan wa Ashrat al-Sa'ah, Bab fi Baqiyyat min Ahadith al-Dajjal, nombor hadis: 2946)*

Hakikatnya, Rasulullah SAW telah memberi panduan kepada manusia untuk menyelamatkan diri daripada finah Dajjal, iaitu antaranya dengan memperbanyakkan berdoa dan membaca *surah al-Kahf*. Justeru, membaca *surah al-Kahf* merupakan salah satu daripada cara untuk menyelamatkan diri daripada fitnah besar tersebut. Berikut disenaraikan beberapa buah hadis Rasulullah SAW yang menjelaskan fadilat membaca *surah al-Kahf* ('Isa, 2001: 259-274):

(مَنْ حَفِظَ عَشْرَ آيَاتٍ مِنْ أَوَّلِ سُورَةِ الْكَهْفِ عُصِمَ مِنَ
الدَّجَالِ)

Terjemahan: *Sesiapa menghafal sepuluh ayat daripada permulaan surah al-Kahf, akan terselamat daripada Dajjal.* (Hadis riwayat Muslim dalam *Sahih Muslim, Kitab Salat al-Musafirin wa Qasriha, Bab Fadl Surat al-Kahf wa Ayat al-Kursi*, nombor hadis: 809)

(مَنْ قَرَأَ عَشْرَ آيَاتٍ مِنْ آخِرِ الْكَهْفِ عُصِمَ مِنْ فِتْنَةِ الدَّجَالِ)

Terjemahan: *Sesiapa membaca sepuluh ayat daripada akhir surah al-Kahf, akan terselamat daripada fitnah Dajjal.* (Hadis riwayat al-Tirmizi dalam *Sunan al-Tirmizi, Kitab Fada'il al-Qur'an, Bab ma Ja'a fi Fadl Surat al-Kahf*, nombor hadis: 2886)

(مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكَهْفِ كَمَا أَنْزَلَتْ كَانَتْ لَهُ نُورًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ
مِنْ مَقَامِهِ إِلَى مَكَّةَ ، وَمَنْ قَرَأَ عَشْرَ آيَاتٍ مِنْ آخِرِهَا ثُمَّ خَرَجَ
الدَّجَالُ لَمْ يُسَلِّطْ عَلَيْهِ)

Terjemahan: *Sesiapa membaca surah al-Kahf sebagaimana ia diturunkan, maka surah ini akan menjadi cahaya baginya pada hari Kiamat dari tempat tinggalnya hingga ke Mekah. Dan sesiapa membaca sepuluh ayat terakhir daripada surah al-Kahf, lalu Dajjal keluar (datang), maka Dajjal tidak akan membahayakannya.* (Hadis riwayat al-Nasa'i dalam *al-Sunan al-Kubra*, nombor hadis: 10788)

(مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكَهْفِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَضَاءَ لَهُ مِنَ النُّورِ مَا بَيْنَ الْجُمُعَتَيْنِ)

Terjemahan: *Sesiapa membaca surah al-Kahf pada hari Jumaat, maka Allah akan menyinarinya dengan cahaya di antara dua Jumaat.* (Hadis riwayat al-Hakim dalam *al-Mustadrak* dan disahihkan oleh al-Albani dalam *Sahih al-Jami' al-Saghir wa Ziyadatuh*, nombor hadis: 6346)

(مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكَهْفِ فِي يَوْمِ الْجُمُعَةِ ، أَضَاءَ لَهُ مِنَ النُّورِ مَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْبَيْتِ الْعَتِيقِ)

Terjemahan: *Sesiapa membaca surah al-Kahf pada hari Jumaat, maka Allah akan menyinarinya dengan cahaya di antaranya dengan Bayt al-'Atiq (Ka'bah).* (Hadis al-Bayhaqi dalam *al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Jumu'ah, Bab ma Yu'mar bih fi Laylat al-Jumu'ah wa Yaumiha*, nombor hadis: 5856)

Berdasarkan hadis-hadis Rasulullah SAW tersebut, jelas menunjukkan bahawa *surah al-Kahf* mempunyai kelebihan atau fadilat tersendiri, tanpa menafikan kelebihan surah-surah lain dalam al-Quran. Antara fadilat yang besar ialah apabila ia dipilih sebagai salah satu senjata untuk menyelamatkan diri daripada fitnah Dajjal yang merupakan fitnah terbesar bagi umat manusia di dunia. *Surah al-Kahf* yang mengandungi empat *qissah* al-Quran utama ini turut memberi petunjuk bahawa *qissah* al-Quran mempunyai peranan besar dalam membawa pengajaran untuk dimanfaatkan dalam kehidupan. Tidak dapat disangkal bahawa pengajaran di sebalik *qissah* al-Quran ini turut menyumbang dalam memberi kelebihan kepada *surah al-Kahf* untuk dibaca, difahami dan dijadikan pegangan untuk menyelamatkan diri daripada fitnah Dajjal dan sekutunya. Bahagian seterusnya akan menghuraikan empat buah *Qissah qur'aniyyah* utama yang terdapat dalam *surah al-Kahf*.

QISSAH QUR'ANIYYAH DALAM SURAH AL-KAHF

Sepertimana yang telah dinyatakan dalam bahagian sebelum ini, jika diteliti kitab-kitab tafsir seperti *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* oleh Ibn Kathir dan *Safwat al-Tafsir* oleh al-Sabuni, terdapat empat buah *qissah qur'aniyyah* utama dalam *surah al-Kahf*. Seterusnya, bahagian ini akan menghuraikan secara ringkas setiap *qissah* tersebut serta menjelaskan ciri-ciri *qissah qur'aniyyah* yang terdapat dalam keempat-empat buah *qissah* al-Quran tersebut. Penghuraian *qissah* al-Quran dilakukan berdasarkan ayat-ayat al-

Quran dalam *surah al-Kahf* dan huraian daripada kitab tafsir. Dalam usaha menghurai *qissah* al-Quran, ia perlu dijauhkan sumber-sumber berbentuk *isra'iliyat* yang boleh merosakkan kesahihan sesuatu *qissah* al-Quran. *Isra'iliyat* merujuk kepada cerita rekaan yang kebanyakannya datang daripada ilmu pengetahuan Bani Isra'il atau daripada kitab-kitab mereka atau daripada cerita dongeng dan batil yang mereka ada-adakan (Abu Shaybah, 2006: 4). Meskipun mungkin terdapat manfaat dalam kisah *isra'iliyat* tersebut, namun ia tetap mengandungi mudarat kerana kisah seperti ini muncul berdasarkan rekaan dan jauh daripada sumber yang sahih.

Qissah Pemuda Ashab Al-Kahf

Qissah pertama berkaitan sekumpulan pemuda yang beriman kepada Allah SWT (Al-Sha'rawi, 2004: 249-277). Kumpulan pemuda ini terdiri daripada tujuh orang sepertimana yang dinyatakan dalam *surah al-Kahf*. *Qissah* ini dimuatkan dalam ayat 9 hingga 26 daripada *surah al-Kahf* (Ibn Kathir, 2004: 3/1706-1716). Firman Allah SWT dalam al-Quran:

أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَابَ الْكَهْفِ وَالرَّقِيمِ كَانُوا مِنْ آيَاتِنَا عَجَبًا

Terjemahan: *Adakah engkau menyangka (wahai Muhammad), bahawa qissah "Ashab al-Kahf" dan "al-Raqim" itu sahaja yang menakjubkan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan Kami?.*
(Surah al-Kahf, 18: 9)

Al-Quran tidak menyatakan secara terperinci berkaitan identiti tujuh orang pemuda dari segi nama mereka, bandar atau tempat mereka tinggal, pemerintah semasa zaman mereka, agama atau syariat yang mereka pegang serta kedudukan gua tempat mereka berkumpul (Al-Khalidi, 2007: 277). Mereka berpegang teguh bahawa Allah SWT bersifat Esa dan Penguasa sekalian alam. Mereka tinggal dalam kelompok masyarakat yang tidak beriman kepada Allah SWT. Disebabkan masyarakat pada zaman tersebut tidak beriman kepada Allah SWT, maka banyak kemungkaran, kezaliman dan pembohongan yang berlaku dalam kehidupan mereka.

Kumpulan pemuda yang beriman ini mengambil pendirian untuk mengasingkan diri mereka daripada masyarakat yang rosak tersebut. Bagi mereka, tiada ruang untuk mereka hidup dengan baik sekiranya mereka tinggal dalam kelompok masyarakat yang kufur. Mereka keluar dari bandar iaitu tempat mereka tinggal dan menuju ke sebuah gua di sebuah bukit. Kumpulan pemuda ini bermunajat kepada Allah SWT agar mereka dikurniakan rahmat ketika di dalam gua tersebut. Allah SWT memakbulkan permohonan para pemuda tersebut lalu Allah SWT menidurkan mereka

selama 309 tahun bersama seekor anjing yang turut ditidurkan berhampiran pintu gua.

Dinyatakan dalam *surah al-Kahf* bahawa sepanjang tempoh tersebut, para pemuda ini tidur dalam keadaan mata mereka terbuka seolah-olah apabila manusia lain memandang ke arah mereka, maka tidak dijangka bahawa mereka sedang tidur (Al-Sabuni, T.th. : 2/179). Begitu juga keadaan tubuh badan mereka yang sentiasa digerakkan atau dipalingkan sekitar tempat tidur agar tubuh mereka tidak dimamah tanah (Al-Sabuni, T.th. : 2/179). Kesemua keadaan ini yang dinyatakan pada ayat 18 daripada *surah al-Kahf* merupakan antara tanda-tanda kehebatan Allah SWT yang berkuasa memelihara para hambaNya yang patuh dan taat kepadaNya.

Tatkala mereka terjaga daripada tidur, maka para pemuda tersebut saling bertanya antara satu sama lain tentang tempoh mereka semua tidur. Selepas itu, salah seorang daripada para pemuda diminta keluar daripada gua untuk membeli makanan, sambil para pemuda yang lain memberi nasihat kepada sahabat mereka agar berhati-hati terhadap fitnah masyarakat di bandar, khawatir akan dibunuh dan dipaksa kembali menjadi kufur. Apabila tiba di bandar, pemuda tadi mendapati masyarakat di bandar telah beriman kepada Allah SWT Malah Allah SWT telah menukarkan generasi masyarakat yang kufur kepada masyarakat yang beriman kepada-Nya. Apabila masyarakat yang beriman kepada Allah SWT mengetahui perihal pemuda yang asing itu, maka mereka menjejaki pemuda tersebut dan tatkala tiba di gua, didapati tujuh orang pemuda tersebut telah meninggal dunia.

Berdasarkan *qissah* ini, banyak pengajaran yang boleh diambil dan dijadikan panduan dalam hidup. Antara pengajaran daripada *qissah* ini ialah keyakinan bahawa pertolongan Allah SWT pasti bersama perjuangan hamba-Nya yang tetap teguh dalam keadaan beriman kepada-Nya. Allah SWT membuktikan bahawa Dia berkuasa menghidup dan mematikan makhluk-Nya tanpa sebarang kesulitan. Selain itu, dapat difahami bahawa kebaikan yang menjadi pegangan kelompok yang sedikit belum tentu dapat menewaskan kemungkaran yang menjadi pegangan kelompok majoriti, lantas mengasingkan diri daripada kemungkaran menjadi keutamaan agar kebaikan dapat terus terpelihara. Keperluan untuk mendampingi kelompok golongan salih juga dijelaskan dalam *qissah* ini agar ia dapat mendidik diri untuk sama-sama tergolong dalam kelompok orang yang baik.

***Qissah* Pemilik Dua Buah Kebun**

Qissah kedua berkaitan seorang lelaki yang memiliki dua buah kebun yang dipenuhi tanaman yang subur dan mengeluarkan hasil yang menakjubkan (Al-Sha'rawi, 2004: 281-304). Sebenarnya *qissah* ini melibatkan situasi dua

orang lelaki, seorang memiliki dua buah kebun tetapi tidak beriman kepada Allah SWT manakala seorang lelaki lagi tidak memiliki sebarang harta dunia tetapi beriman kepada Allah SWT (Al-Khalidi, 2007: 357). Sepertimana pada *qissah* pertama, *qissah* kedua ini turut tidak diperincikan tentang indentiti dua orang lelaki yang dirakamkan dalam *surah al-Kahf*. *Qissah* ini dimuatkan dalam ayat 32 hingga 46 daripada *surah al-Kahf* (Ibn Kathir, 2004: 3/1719-1725). Firman Allah SWT dalam al-Quran:

وَاضْرِبْ لَهُم مَّثَلًا رَجُلَيْنِ جَعَلْنَا لِأَحَدِهِمَا جَنَّتَيْنِ مِنْ أَعْنَابٍ
وَحَفَافًا هُمَا بِنَخْلٍ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمَا زُرْعًا

Terjemahan: *Dan berikanlah kepada mereka satu misalan. Dua orang lelaki, Kami adakan bagi salah seorang di antaranya, dua buah kebun anggur dan Kami kelilingi kebun-kebun itu dengan pohon-pohon tamar, serta Kami jadikan di antara keduanya, jenis-jenis tanaman yang lain.* (Surah al-Kahf, 18: 32)

Lelaki yang dikurniakan oleh Allah SWT dua buah kebun anggur serta tamar itu hidup dalam keadaan kufur kepada Allah SWT Kenikmatan yang diterima daripada Allah SWT tidak menjadikannya bersyukur dan mengiktiraf keesaan Allah SWT. Lelaki kafir ini menyangka kesemua yang dinikmatinya adalah segala-galanya dalam kehidupan, lantas lupa terhadap kehidupan di akhirat kelak. Malah lelaki kafir ini telah menunjukkan sikap sombongnya kepada lelaki yang beriman. Lelaki kafir menganggap dirinya adalah yang terbaik dalam kalangan seluruh manusia dengan segala kekayaan dan kenikmatan yang dimilikinya. Namun, lelaki yang beriman tadi tetap kekal dengan pegangannya serta tidak merasa lemah dengan tingkah laku lelaki kafir tersebut.

Ketika lelaki kafir bermegah dengan kenikmatan yang dimilikinya, lelaki yang beriman tidak menutup mulut, bahkan dia bangkit menyatakan perkara yang hak bahawa segalanya milik Allah SWT. Segala hujahnya dinyatakan dengan lisan seorang yang beriman dengan iman yang tetap. Lelaki yang beriman turut menasihati lelaki kufur tersebut agar mengiktiraf kekuasaan Allah SWT yang berkuasa melakukan apa sahaja terhadap hambaNya. Dengan kuasa Allah SWT, segala nikmat yang dimiliki oleh lelaki kafir telah ditarik kembali. Dua buah kebun yang dimilikinya telah dihancurkan oleh Allah SWT, lantas lelaki kafir tadi menyesali setiap perbuatannya yang tidak beriman dan tidak bersyukur atas segala nikmat kurniaan Allah SWT.

Daripada *qissah* kedua ini, banyak pengajaran yang boleh diambil antaranya keinsafan bahawa segala nikmat adalah milik Allah SWT yang berkuasa memberi dan menarik kembali nikmat tersebut daripada hamba-Nya. Kenikmatan dunia hanya bersifat sementara kerana setiap manusia akan melalui kehidupan yang bersifat kekal di akhirat nanti. Justeru, setiap perbuatan di dunia mesti membawa faedah untuk kehidupan di akhirat. Selain itu, dapat difahami bahawa harta kekayaan di dunia boleh menjadi penyebab seseorang manusia kufur kepada Allah SWT. Tanpa iman yang kukuh dan mantap, sesetengah manusia akan tenggelam dengan kenikmatan dunia yang sebenarnya dikurniakan untuk menguji keimanan seseorang. Sifat sombong dan bermegah diri merupakan antara sifat tercela yang mesti dihindari dalam diri setiap muslim kerana sifat seperti ini hanya merugikan diri sendiri.

***Qissah* Nabi Musa AS Dengan Hamba Allah SWT Yang Salih**

Qissah ketiga berkenaan nabi Musa AS dengan seorang lelaki yang salih bernama Khidir AS (Al-Sha'rawi, 2004: 109-137). *Qissah* ini memfokus terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku sepanjang perjalanan nabi Musa AS bersama Khidir AS. Terdapat beberapa hadis Rasulullah SAW yang memperincikan *qissah* antara nabi Musa AS dan Khidir AS. Antaranya hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, al-Nasa'i, Ibn Majah, Ahmad, al-Hakim dan beberapa lagi (Al-Khalidi, 2007: 384). *Qissah* ini dimuatkan pada ayat 60 hingga 82 daripada *surah al-Kahf* (Ibn Kathir, 2004: 3/1731-1742). Firman Allah SWT dalam al-Quran:

وَإِذْ قَالَ مُوسَى لِفَتَاهُ لَا أَبْرَحُ حَتَّىٰ أَبْلُغَ مَجْمَعَ الْبَحْرَيْنِ أَوْ أَمْضِيَ حُقُبًا

Terjemahan: *Dan (ingatkanlah peristiwa) tatkala nabi Musa berkata kepada temannya: "Aku tidak akan berhenti berjalan sehingga aku sampai di tempat pertemuan dua laut itu, atau aku berjalan terus bertahun-tahun". (Surah al-Kahf, 18: 60)*

Qissah ini bermula apabila nabi Musa AS dengan yakin mengatakan bahawa tiada seorang pun yang lebih mengetahui atau bijak selain daripada dirinya. Namun, Allah SWT memberi wahyu kepada nabi Musa AS untuk menyangkal pendirian nabi Musa AS tersebut. Allah SWT menyatakan bahawa terdapat seorang hamba-Nya yang lebih mengetahui atau bijak daripada nabi Musa AS. Lantas Allah SWT memberi petunjuk tentang tatacara untuk menemui hamba-Nya bernama Khidir AS. Cara untuk mengetahui tempat Khidir AS berada ialah dengan bantuan ikan yang dibawa sebagai bekalan ketika mencari tempat Khidir AS Semasa meneruskan perjalanan, didapati bahawa

ikan yang dimaksudkan telah hilang daripada simpanan. Lalu nabi Musa AS bersama seorang temannya telah menjejaki tempat ikan tersebut hilang, kemudian dengan izin Allah SWT, mereka dipertemukan dengan Khidir AS.

Setelah bertemu dengan Khidir AS, nabi Musa meminta kebenaran untuk mengikut perjalanan Khidir AS. Tujuan mengikuti Khidir adalah untuk mengetahui amalan atau perbuatan baik yang dilakukan oleh Khidir AS sehingga melayakkan dirinya menjadi insan yang lebih berilmu daripada nabi Musa AS Semasa dalam perjalanan, peristiwa pertama berlaku apabila Khidir telah membocorkan sebuah sampan yang bukan miliknya. Apabila nabi Musa AS menyaksikan peristiwa tersebut, maka nabi Musa AS telah mempertikaikan tindakan Khidir AS tersebut.

Peristiwa kedua pula berlaku selepas mereka sampai di daratan. Mereka menemui seorang kanak-kanak, lalu Khidir AS telah membunuh kanak-kanak tersebut. Sekali lagi nabi Musa AS mempertikaikan tindakan Khidir AS yang telah membunuh kanak-kanak tersebut. Khidir AS memberi amaran kepada nabi Musa AS agar tidak mempertikai tindakannya, jika hal sebaliknya berlaku, maka nabi Musa AS tidak dibenar meneruskan perjalanan bersama Khidir AS.

Manakala peristiwa ketiga berlaku ketika Khidir dan nabi Musa AS sampai di sebuah perkampungan. Mereka tidak mendapat layanan yang selayaknya daripada para penduduk kampung, sedangkan mereka merupakan tetamu di kampung tersebut. Dalam masa yang sama, terdapat sebuah tembok yang hampir runtuh, lalu Khidir AS menegakkan kembali tembok berkenaan. Lalu tindakan tersebut dipertikai oleh nabi Musa AS Menurut nabi Musa AS penduduk kampung tersebut tidak menghormati tetamu dan perbuatan Khidir AS menegakkan tembok berkenaan wajar mendapat upah dan ganjaran.

Selepas itu, Khidir AS memutuskan agar nabi Musa AS tidak dibenarkan lagi untuk meneruskan perjalanan bersamanya. Namun, sebelum keduanya berpisah, Khidir AS memberi penjelasan tentang makna tersirat di sebalik tindakannya yang jika dilihat secara sepintas lalu merupakan satu tindakan yang zalim dan tidak berperikemanusiaan.

Menurut Khidir AS, sampan yang dibocorkan merupakan sebuah sampan milik golongan miskin. Terdapat seorang raja zalim yang akan merampas setiap sampan yang masih dalam keadaan baik. Justeru, tindakan Khidir AS membocorkan sampan golongan miskin adalah dengan tujuan menyelamatkan mereka daripada kezaliman raja tersebut. Berkenaan dengan seorang kanak-kanak yang telah dibunuh oleh Khidir AS, kanak-kanak tersebut tidak beriman dengan Allah SWT, sedangkan kedua ibu bapanya merupakan orang

yang salih. Maka pembunuhan kanak-kanak tersebut dilakukan dengan harapan agar kedua ibu bapanya dianugerahkan seorang anak lain yang salih seperti mereka. Manakala berkenaan sebuah tembok yang didirikan dan diperbaiki oleh Khidir AS, di bawahnya terdapat harta yang ditinggalkan untuk dua orang anak yatim. Dengan terdirinya tembok berkenaan, ia dapat menyelamatkan harta pusaka milik dua orang anak yatim daripada diambil oleh orang lain kerana harta tersebut hanya akan dikeluarkan apabila mereka telah cukup umur.

Daripada *qissah* ini dapat difahami bahawa golongan yang memiliki ilmu pengetahuan akan mendapat tempat yang istimewa di sisi Allah SWT. Sifat ingin mendalami ilmu pengetahuan mesti disusuli dengan tindakan untuk mendapatkan sesuatu ilmu yang bermanfaat. Untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, pelbagai cabaran perlu dilalui dan kerana itu bagi sesiapa yang dalam keadaan mencari ilmu pengetahuan, maka mereka diiktiraf sebagai seorang *mujahid* (pejuang) pada jalan Allah SWT. Selain itu, sifat bermegah dengan diri sendiri, berasa diri paling hebat, menafikan kebijaksanaan orang lain adalah antara sifat buruk yang perlu dijauhi oleh golongan yang berilmu. Perlu dijelaskan di sini bahawa *qissah* ini tidak sama sekali merendahkan martabat nabi Musa AS sebagai seorang rasul. Sebaliknya, ia menjelaskan bahawa para rasul utusan Allah akan sentiasa mendapat petunjuk langsung daripada Allah SWT.

***Qissah* Pemerintah Yang Adil Bernama Dhu Al-Qarnayn**

Qissah keempat berkaitan seorang pemerintah yang adil serta memiliki ilmu (Al-Sha'rawi, 2004: 217-246). Sepertimana *qissah* yang lain, *qissah* pemerintah bernama Dhu al-Qarnayn ini tidak dinyatakan secara terperinci. Al-Quran tidak menjelaskan siapa sebenarnya Dhu al-Qarnayn, bagaimana ciri-ciri keperibadiannya secara menyeluruh, zaman pemerintahannya, kerajaan yang diperintah oleh Dhu al-Qarnayn dan sebagainya. Malah *qissah* ini tidak dirakamkan dalam al-Quran melainkan dalam *surah al-Kahf* sahaja (Al-Khalidi, 2007: 452). *Qissah* ini dimuatkan dalam ayat 83 hingga 98 daripada *surah al-Kahf* (Ibn Kathir, 2004: 3/1742-1749). Firman Allah SWT dalam al-Quran:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ ذِي الْقَرْنَيْنِ قُلْ سَأَتْلُو عَلَيْكُمْ مِنْهُ ذِكْرًا

Terjemahan: *Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai Dhu al-Qarnayn. Katakanlah: "Aku akan bacakan kepada kamu (wahyu daripada Allah yang menerangkan) sedikit tentang perihalnya".*
(Surah al-Kahf, 18: 83)

Terdapat banyak perbincangan dalam kalangan ahli sejarah berkaitan *qissah* Dhu al-Qarnayn. Banyak buku yang dihasilkan bagi memperincikan *qissah* Dhu al-Qarnayn berdasarkan ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Antara sebab berlakunya hal ini ialah kerana *qissah* Dhu al-Qarnayn berkaitan dengan pengurungan makhluk bernama *Ya'juj* dan *Ma'juj* yang kemunculannya pada satu ketika akan datang merupakan salah satu daripada tanda-tanda akan berlakunya hari Kiamat. Hal ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis:

(إِنَّهَا لَنْ تَقُومَ حَتَّى تَرَوْا قَبْلَهَا عَشْرَ آيَاتٍ ، فَذَكَرَ الدُّخَانَ ،
الدَّجَالَ ، وَالِدَابَّةَ ، وَطُلُوعَ الشَّمْسِ مِنْ مَغْرِبِهَا ، وَنُزُولَ
عِيسَى بْنِ مَرْيَمَ ، وَيَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ ، وَثَلَاثَةَ خُسُوفٍ : خُسُوفٍ
بِالْمَشْرِقِ ، وَخُسُوفٍ بِالْمَغْرِبِ ، وَخُسُوفٍ بِجَزِيرَةِ الْعَرَبِ ، وَآخِرُ
ذَلِكَ نَارٌ تَخْرُجُ مِنَ الْيَمَنِ تَطْرُدُ النَّاسَ إِلَى مَحْشَرِهِمْ)

Terjemahan: *Sesungguhnya Kiamat itu tidak akan terjadi sebelum kamu melihat sepuluh tanda: Dukhan (kabut asap), Dajjal, al-Dabbah (binatang melata yang boleh berbicara), matahari terbit dari arah barat, turunnya 'Isa bin Maryam, munculnya Ya'juj Ma'juj dan tiga gerhana: gerhana di timur, gerhana di barat dan gerhana di Semenanjung Arab dan terakhir api yang keluar dari Yaman yang akan menghantar manusia ke Mahsyar. (Hadis riwayat Muslim dalam Sahih Muslim, Kitab al-Fitan, Bab ma Yakun min Futuhat al-Muslimin Qabl al-Dajjal, nombor hadis: 2901; Hadis riwayat Abu Dawud dalam Kitab al-Sunan, Kitab al-Malahim, Bab Amarat al-Sa'ah, nombor hadis: 4311)*

Sepertimana yang dijelaskan dalam *surah al-Kahf*, Dhu al-Qarnayn merupakan seorang pemerintah yang adil dan memiliki ilmu pengetahuan. Pemerintahannya dilaksanakan dengan kedua-dua elemen ini iaitu keadilan dan ilmu pengetahuan. Dhu al-Qarnayn mengembara ke timur dan barat kawasan pemerintahannya untuk membantu manusia serta menyeru mereka agar beriman kepada Allah SWT. Sepanjang pengembaraannya, Dhu al-Qarnayn turut menyeru manusia agar meneruskan amalan kebaikan dan meninggalkan keburukan. Satu peristiwa yang dinyatakan dalam *qissah* Dhu al-Qarnayn, ialah peranannya membina tembok sebagai sekatan kepada makhluk bernama *Ya'juj* dan *Ma'juj* yang melakukan kerosakan kepada manusia. Makhluk ini kekal dalam sekatan ini sehingga hampir berlakunya hari kiamat iaitu selepas munculnya Dajjal (Ibn Kathir, 2004: 3/ 1749).

Berdasarkan *qissah* Dhu al-Qarnayn ini, dapat difahami bahawa sifat yang dimiliki oleh pemerintah ini patut dicontohi. Dhu al-Qarnayn memainkan peranannya sebagai pemerintah dengan membantu manusia pada zamannya dalam urusan dunia dan juga urusan akhirat. Dhu al-Qarnayn seorang pemimpin yang beriman kepada Allah SWT serta sentiasa menyeru rakyat di bawah pemerintahannya untuk turut mengesakan Allah SWT. Kebijaksanaan Dhu al-Qarnayn terserlah apabila berjaya menyelesaikan masalah manusia yang berdepan dengan kerosakan yang dilakukan oleh *Ya'juj* dan *Ma'juj*. Inilah antara pengajaran yang perlu diambil daripada *qissah* seorang pemerintah yang menepati kehendak Allah SWT bernama Dhu al-Qarnayn.

INTISARI EMPAT *QISSAH* UTAMA DALAM *SURAH AL-KAHF*

Berdasarkan penelitian terhadap empat *qissah* utama dalam *surah al-Kahf* serta galakan Rasulullah SAW. agar *surah* ini diamalkan bacaannya pada setiap hari Jumaat agar terselamat daripada fitnah Dajjal, maka dapat disimpulkan bahawa keempat-empat *qissah* ini berlegar pada perkara pokok yang sama iaitu fitnah. Fitnah di sini membawa maksud cabaran atau dugaan. Fitnah ini melibatkan fitnah berkaitan agama (*qissah* pemuda *Ashab al-Kahf*), fitnah berkaitan harta (*qissah* pemilik dua buah kebun), fitnah berkaitan ilmu (*qissah* nabi Musa AS dengan hamba Allah SWT yang salih bernama Khidir AS) dan fitnah berkaitan kuasa dan pemerintahan (*qissah* pemerintah yang adil bernama Dhu al-Qarnayn). Keempat-empat fitnah ini perlu dihindari daripada kehidupan manusia.

Hakikatnya, keempat-empat fitnah inilah yang menjadi modal syaitan untuk menyesatkan manusia. Ia juga merupakan misi utama bagi Dajjal untuk menyesatkan manusia menjelang tibanya hari Kiamat. Dari sini, dapat difahami bahawa perbincangan utama melibatkan *qissah* dalam *surah al-Kahf* berkaitan dengan identiti syaitan sebagai musuh utama manusia (Al-Mut'ani, 1992: 1/344). Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam *surah Sad* ayat 71-85 dan ia turut dijelaskan pada pertengahan *surah al-Kahf*. Firman Allah SWT dalam al-Quran:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ كَانَ مِنَ الْجِنِّ فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ أَفَتَتَّخِذُونَهُ وَذُرِّيَّتَهُ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِي وَهُمْ لَكُمْ عَدُوٌّ بِغَسِّ اللَّظَالِمِينَ بَدَلًا

Terjemahan: Dan (ingatkanlah peristiwa) tatkala Kami berfirman kepada malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam", lalu mereka sujud melainkan iblis, ia adalah berasal daripada golongan jin, lalu ia menderhaka terhadap perintah Tuhannya. Oleh itu, patutkah kamu

hendak menjadikan iblis dan keturunannya sebagai sahabat-sahabat karib yang menjadi pemimpin selain daripada-Ku? Sedang mereka itu ialah musuh bagi kamu. Amatlah buruk bagi golongan yang zalim: pengganti yang mereka pilih itu. (Surah al-Kahf, 18: 50)

Malah, dalam *qissah* melibatkan nabi Musa AS dengan hamba Allah SWT yang soleh bernama Khidir AS, syaitan memainkan peranannya dalam menggagalkan usaha ke arah kebaikan. Firman Allah SWT dalam al-Quran:

قَالَ أَرَأَيْتَ إِذْ أَوَيْنَا إِلَى الصَّخْرَةِ فَإِنِّي نَسِيتُ الْحُوتَ وَمَا أَنسَانِيهِ إِلَّا الشَّيْطَانُ أَنْ أَذْكُرَهُ وَاتَّخَذَ سَبِيلَهُ فِي الْبَحْرِ عَجَبًا

Terjemahan: *Temannya berkata: "Tahukah apa yang telah terjadi ketika kita berehat di batu besar itu? Sebenarnya aku lupakan hal ikan itu; dan tiadalah yang menyebabkan aku lupa daripada menyebutkan halnya kepadamu melainkan syaitan; dan ikan itu telah menggelunsur menempuh jalannya di laut, dengan cara yang menakjubkan".* (Surah al-Kahf, 18: 63)

Selain itu, dalam *surah al-Kahfi*, Allah SWT turut menjelaskan langkah terbaik bagi menyelamatkan diri daripada keempat-empat fitnah yang dinyatakan.

- i. Fitnah berkaitan agama yang dijelaskan dalam *qissah* pemuda *Ashab al-Kahf* dapat diselamatkan dengan ikatan persahabatan dengan golongan yang salih dan banyak mengingati akhirat. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya dalam al-Quran:

وَاصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدَاةِ وَالْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُ وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ تُرِيدُ زِينَةَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُ عَن ذِكْرِنَا وَاتَّبَعَ هَوَاهُ وَكَانَ أَمْرُهُ فُرُطًا ﴿٦٤﴾ وَقُلِ الْحَقُّ مِن رَّبِّكُمْ فَمَن شَاءَ فَلْيُؤْمِنْ وَمَن شَاءَ فَلْيُكْفُرْ إِنَّا أَعْتَدْنَا لِلظَّالِمِينَ نَارًا أَحَاطَ بِهِمْ سُرَادِقُهَا وَإِن يَسْتَغِيثُوا يُغَاثُوا بِمَاءٍ كَالْمُهْلِ يَشْوِي الْوُجُوهَ بِئْسَ الشَّرَابُ وَسَاءَتْ مُرْتَفَقًا

Terjemahan: *Dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan golongan yang beribadat kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharapkan keredaan Allah semata-mata dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan kesenangan hidup di dunia dan janganlah engkau mematuhi orang yang kami ketahui hatinya lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami dalam al-Quran, serta ia menurut hawa nafsunya, dan tingkah lakunya pula adalah melampaui kebenaran. Dan katakanlah (wahai Muhammad): “Kebenaran itu ialah yang datang daripada Tuhan kamu, maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya”. Kerana Kami telah menyediakan bagi golongan yang berlaku zalim itu api neraka, yang meliputi mereka laksana khemah dan jika mereka meminta pertolongan kerana dahaga, mereka diberi pertolongan dengan air seperti tembaga cair yang membakar muka, amatlah buruknya minuman itu, dan amatlah buruknya neraka sebagai tempat bersenang-senang. (Surah al-Kahf, 18: 28-29)*

- ii. Fitnah berkaitan harta yang dijelaskan dalam *qissah* pemilik dua buah kebun dapat diselamatkan dengan pemahaman tentang hakikat kehidupan dunia yang sementara dan peringatan tentang hakikat kehidupan akhirat yang kekal abadi. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya dalam al-Quran:

وَأَضْرَبَ لَهُمْ مَثَلَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَا أَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا تَذْرُوهُ الرِّيَّاحُ وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقْتَدِرًا ﴿١٠٦﴾ الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا

Terjemahan: *Dan kemukakanlah kepada mereka misal perbandingan: kehidupan dunia ini samalah seperti air yang Kami turunkan dari langit, lalu bercampur baur lah tanaman di bumi antara satu dengan lain (dan kembang subur lah ia) disebabkan air itu kemudian ia menjadi kering hancur ditiup angin dan (ingatlah) bahawa Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.*

Harta benda dan anak pinak itu adalah perhiasan hidup di dunia dan amal-amal salih yang kekal faedahnya itu lebih baik di sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.
(Surah al-Kahf, 18: 45-46)

- iii. Fitnah berkaitan ilmu yang dijelaskan dalam *qissah* nabi Musa AS dengan hamba Allah SWT yang salih bernama Khidir AS dapat diselamatkan dengan sifat rendah diri (*tawadu'*), sabar, tidak sombong dan bermegah dengan ilmu yang dimiliki. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya dalam al-Quran:

قَالَ سَتَجِدُنِي إِِنْ شَاءَ اللَّهُ صَابِرًا وَلَا أَعْصِي لَكَ أَمْرًا

Terjemahan: *Nabi Musa berkata: "Engkau akan dapati aku, insya Allah: orang yang sabar dan aku tidak akan membantah sebarang perintahmu".* (Surah al-Kahf, 18: 69)

- iv. Fitnah berkaitan kuasa (*sultah*) yang dijelaskan dalam *qissah* pemerintah yang adil bernama Dhu al-Qarnayn dapat diselamatkan dengan sifat kebergantungan secara mutlak kepada Allah SWT. Sesungguhnya setiap usaha yang dilakukan oleh manusia tidak akan menemui kejayaan sekiranya usaha tersebut tidak disertai dengan bantuan, pertolongan dan rahmat daripada Allah SWT. Asas inilah yang menjadi pegangan Dhu al-Qarnayn sebagai seorang pemerintah yang adil dan bertakwa. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya dalam al-Quran:

قَالَ مَا مَكَّنِّي فِيهِ رَبِّي خَيْرٌ فَأَعِينُونِي بِقُوَّةٍ أَجْعَلْ بَيْنَكُمْ
وَبَيْنَهُمْ رَدْمًا

Terjemahan: *Dia menjawab: "(Kekuasaan dan kekayaan) yang Tuhanku jadikan aku menguasainya, lebih baik (daripada bayaran kamu); oleh itu bantulah aku dengan tenaga (kamu beramai-ramai) aku akan bina antara kamu dengan mereka sebuah tembok penutup yang kukuh.* (Surah al-Kahf, 18: 95)

قَالَ هَذَا رَحْمَةٌ مِنْ رَبِّي فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُ دَكَّاءً وَكَانَ
وَعْدُ رَبِّي حَقًّا

Terjemahan: (Setelah itu) berkatalah Dhu al-Qarnayn: “Ini ialah suatu rahmat daripada Tuhanku; dalam pada itu, apabila sampai janji Tuhanku, Dia akan menjadikan tembok itu hancur lebur; dan adalah janji Tuhanku itu benar”. (Surah al-Kahf, 18: 98)

Pada akhir *surah al-Kahf*, Allah SWT menjelaskan bahawa kesemua fitnah atau cabaran yang dihadapi oleh manusia terutama empat fitnah yang terdapat dalam surah ini dapat ditangani dengan memperbanyakkan amalan salih dengan ia dilakukan dengan ikhlas kerana Allah SWT. Kejayaan menangani kesemua fitnah atau cabaran dalam hidup merupakan satu rahmat bagi hamba Allah SWT sebelum menemuiNya di hari akhirat kelak. Firman Allah SWT dalam al-Quran pada akhir *surah al-Kahf*:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَمَنْ
كَانَ يَرْجُو لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ
رَبِّهِ أَحَدًا

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang satu oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang salih, dan janganlah ia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadatnya kepada Tuhannya”. (Surah al-Kahf, 18: 110)

KESIMPULAN

Qissah qur'aniyyah merupakan antara uslub atau gaya penyampaian yang terdapat dalam al-Quran serta mempunyai signifikan yang besar dalam membawa makna, pengajaran dan fadilat ayat al-Quran. Uslub ini tidak sekali-kali menunjukkan bahawa uslub lain dalam al-Quran tidak mempunyai signifikan tertentu, sebaliknya kesemua uslub al-Quran berfungsi dalam menyerlahkan keindahan lafaz dan makna al-Quran mengikut konteks makna ayat. *Qissah qur'aniyyah* dalam al-Quran mempunyai ciri-ciri tersendiri yang tidak boleh disamakan dengan istilah “kisah” atau “cerita” dalam

bidang kesusasteraan. *Qissah* dalam al-Quran tidak bersifat rinci dan ada kalanya diulang dalam beberapa surah dalam al-Quran. Hal ini menunjukkan bahawa '*ibrah* atau pengajaran yang dibawa oleh *qissah* al-Quran menjadi perkara yang diutamakan oleh Allah SWT. Empat *qissah* utama dalam *surah al-Kahf* yang dibincangkan dalam makalah ini menjelaskan perkara penting dalam kehidupan manusia iaitu tentang bahaya fitnah dunia serta keperluan menyelamatkan diri daripadanya terutama fitnah Dajjal. Atas kepentingan ini, maka amalan membaca *surah al-Kahf* yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW perlu diamalkan agar diri terselamat daripada kesemua fitnah dunia.

RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim.
- 'Abd al-Rahim, Hassan. (2010). *Al-Jami' fi Fada'il Suwar wa Ayat al-Qur'an*. Al-Iskandariyah: Al-Dar al-'Ilmiyah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- 'Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash'ath al-Azdi al-Sajistani. (1998). *Kitab al-Sunan (Sunan Abi Dawud)*. Tahqiq: Muhammad 'Awwamah. Makkah: Dar al-Qiblah.
- Abu Shaybah, Muhammad b. Muhammad. (2006). *Israiliyyat dan Hadith Palsu dalam Kitab-Kitab Tafsir*. Terj: Hasnan Kasan. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Al-'Askari, Abu Hilal. (1320H). *Kitab al-Sina'atayn: Al-Kitabah wa al-Shi'r*. Al-Qahirah: T.p.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. (1988). *Sahih al-Jami' al-Saghir wa Ziyadatuh*. Bayrut: Al-Maktab al-Islami.
- Al-Amin, 'Izz al-Din. (1970). *Nash'ah al-Naqd al-Adabi al-Hadith fi Misr*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Al-Bayhaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn bin 'Ali. (T.th). *Al-Sunan al-Kubra*. T.t.: Dar al-Ma'rifah.
- Ghanim, Hani Sa'ad. (2008). *Asrar Lughawiyah wa Dalalat Lafziyyah min al-Ayat al-Qur'aniyyah*. Al-Mansurah: Maktabah al-Iman.
- Ibn Kathir, 'Imad al-Din Abi al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir al-Qurashi al-Dimashqi. (2004). *Tafsir Ibn Kathir*. Al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibrahim Mustafa, Ahmad al-Zayyat, Hamad 'Abd al-Qadir & Muhammad al-Najjar. (T.th). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Al-Qahirah: Dar al-Da'wah.
- 'Isa, Ibrahim 'Ali al-Sayyid 'Ali. (2001). *Al-Ahadith wa al-Athar al-Waridah fi Fada'il Suwar al-Qur'an al-Karim: Dirasah wa Naqd*. Al-Qahirah: Dar al-Salam li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi' wa al-Tarjamah.

- Ismail Yusoff. (2008). *Kesusasteraan Melayu Lama dan Baru*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Kamus Dewan*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Ke-4.
- Al-Khalidi, Salah 'Abd al-Fattah. (2007). *Ma'a Qasas al-Sabiqin fi al-Qur'an: Durus fi al-Iman wa al-Da'wah wa al-Jihad*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2012). Al-I'jaz al-Bayani pada Ayat-Ayat al-Qur'an: Satu Kajian Terhadap Uslub al-Hakim dan Iltifat. *Jurnal Darul Quran*, bil. 16/2012, hlm. 57-64.
- Al-Mut'ani, 'Abd al-'Azim Ibrahim. (1992). *Khasa'is al-Ta'bir al-Qur'ani wa Simatuh al-Balaghiyah*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Al-Nasa'i, Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Shu'ayb bin 'Ali. (2001). *Al-Sunan al-Kubra*. Tahqiq: Hasan 'Abd al-Mun'im Shilbi. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf Abu Zakariya. (1996). *Sharh al-Nawawi 'ala Muslim*. T.t.: Dar al-Khayr.
- Al-Qattan, Manna'. (1998). *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.
- Rahmah Ahmad H. Osman & Mohd Shahrizal Nasir. (2011). Manipulasi Peristiwa Israk Mikraj dalam Karya Sastera Arab dan Barat: Satu Analisis Terhadap Al-Maqamah Al-Iblisiyah, Al-Tawabi' Wa Al-Zawabi', Risalat Al-Ghufran dan The Divine Comedy. *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, vol. 18, no. 1, hlm. 53-76.
- Al-Razi, Muhammad bin Abi Bakr bin 'Abd al-Qadir. (1986). *Mukhtar al-Sihah*. Bayrut: Maktabat Lubnan.
- Al-Sabuni, Muhammad 'Ali. (T.th). *Safwat al-Tafasir*. Al-Qahirah: Dar al-Sabuni li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Al-Sha'rawi, Muhammad Mutawalli. (2004). *Qasas al-Qur'an*. Al-Qahirah: Al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din. (2008). *Al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*. Tahqiq: Mahmud Mursi 'Abd al-Hamid & Muhammad 'Awad Haikal. Al-Qahirah: Dar al-Salam li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi' wa al-Tarjamah.
- Al-Tirmizi, Muhammad bin 'Isa bin Surah. (T.th). *Sunan al-Tirmizi*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Zulkarnain Mohamed. (2002). *Karya Kreatif Islami: Analisis Teori dan Aplikasi*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.